



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PENOLONG PEGAWAI FOTO TINGKAT II (C.2 EB.3)
JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.
- (E) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (F) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



PENOLONG PEGAWAI FOTO TINGKAT II
JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 EB KHAS \$2,340 - \$2,620 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (1)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Tertinggi Kebangsaan (*HNC*) atau sebanding dalam bidang Fotografi atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Juruteknik Foto Tingkat I atau dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Berkebolehan bertutur dan menulis dengan baik dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Berkebolehan membaca tulisan ejaan jawi adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab kepada Pegawai Pameran;
2. Membantu Pegawai Pameran dalam melaksanakan tugas di Unit Penggambaran;
3. Bertanggungjawab dalam membahagikan kerja-kerja penggambaran kepada pegawai-pegawai foto;
4. Menjalankan kerja penggambaran yang diterima dari Ketua Bahagian, termasuk bersedia untuk bertugas di kawasan pendalaman mengikut bahagian-bahagian di Jabatan Muzium-Muzium Brunei yang mengkehendaki perkhidmatannya;
5. Membuat catatan keterangan mengenai gambar-gambar yang telah dirakam;
6. Menyediakan katalog bagi gambar-gambar yang telah dirakam bagi tujuan pendaftaran;



7. Bertanggungjawab ke atas katalog negatif, pemeliharaan dan keselamatan negatif;
8. Menunjuk ajar Pegawai Foto dan Kakitangan di Jabatan Muzium-Muzium tentang teknik-teknik penggambaran sama ada dari segi rakaman, memproses gambar, *editing* gambar serta memelihara negatif dan gambar-gambar;
9. Bersedia bertugas di luar waktu Pejabat dan di luar daerah apabila diperlukan; dan
10. Bersedia menerima apa jua tugas dan arahan Ketua Bahagian dan Ketua Jabatan apabila dikehendaki.